

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 4/10/2010

Isu PKFZ tidak boleh bebaskan PM semata-mata - Dr. M

UM-4/10/2010

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menga-
kui bahawa Perdana Menteri ketika
berlakunya skandal penyelewengan
Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ)
perlu bertanggungjawab tetapi ia ada
batasannya.

Menurut beliau, tidak semua per-
kara boleh dibebaskan kepada Per-
dana Menteri kerana terdapat be-
berapa perkara yang tidak diketa-
hainya.

"Jadi kita tidak boleh salahkan Per-
dana Menteri jika dia tidak tahu. Jika
sesiapa yang tahu mengenai perkara
ini, sila dedahkannya," katanya ke-
pada pemberita selepas merasmikan
Yayasan Universiti Teknologi Petro-
nas di sini hari ini.

Ditanya mengenai tindakan pihak
berkuasa mendakwa bekas Menteri
Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong

Sik, Mahathir berkata, pendakwaan
sedang berjalan dan bukan hak be-
liau membuat sebarang spekulasi.

"Bersalah atau tidak, itu kita tidak
tahu lagi. Biarlah mahkamah yang
menentukannya. Kita tidak boleh
menuduh secara melulu tanpa se-
barang bukti," katanya.

Mengenai pertumbuhan digit
tunggal keluaran dalam negara kasar
(KDNK) bagi suku kedua 2010, Ma-
hathir berkata, perkara tersebut
mungkin benar.

"Berdasarkan keadaan sekarang,
perkara tersebut agak munasabah,"
jelasnya.

Beliau mengulas kenyataan Men-
teri di Jabatan Perdana Menteri, Tan
Sri Nor Mohamed Yacop bahawa
negara dijangka mencatatkan per-
tumbuhan digit tunggal bagi suku
kedua 2010.